



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada **Kontraktor Bumiputera** yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIP/CIDB) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut :-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	HARGA DOKUMEN TAWARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARAF/JENIS SYARIKAT	SYARAT PENDAFTARAN, GRED, KATEGORI DAN PENGKHUSUSAN	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	TEMPAT DAN TARIKH TENDER DITUTUP
No. Tender: MOA/BPSP/ 10/2019 (T) PROJEK MENAIKTARAF SKIM PENGAIRAN PAYA KEMAT DAN SKIM PENGAIRAN MATANG DAERAH HULU TERENGGANU, TERENGGANU	RM500.00 (Tidak akan Dikembalikan)	Bahagian Pembangunan Aras 12, Menara, 4G1, Wisma Tani, No.28 Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya Malaysia Isnin, 19 Ogos 2019 hingga Isnin, 2 September 2019 Isnin - Khamis: 8.30 pg - 12.30 tgh 2.30 ptg - 4.30 ptg Jumaat: 8.30 pg - 12.00 tgh 3.00 ptg - 4.30 ptg	T1 Bumiputera/ Syarikat 100% Milik Tempatan	CIDB Gred G6 Kategori CE Pengkhususan CE06, CE21 dan CE36	Rabu, 7 Ogos 2019 Jam 10.00 Pagi Berkumpul di Pejabat Jurutera Daerah Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Hulu Terengganu, 21700 Terengganu. Lawatan Tapak adalah WAJIB dan hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dibenarkan hadir dan sila bawa sijil asal SPKK dan Sijil Taraf Bumiputera (STB).	Bahagian Kewangan, Aras 5, Menara, 4G1, Wisma Tani, No.28 Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya Malaysia Isnin, 9 September 2019 pada jam 12.00 tengah hari Tender yang lewat tidak akan diterima

**** Bagi petender yang tiada pengkhususan CE06, CE21 & CE36 seperti yang dinyatakan, petender perlulah mendapatkan Kebenaran Khas daripada CIDB. Kelulusan tersebut perlulah dibawa semasa lawatan tapak.**

**** Petender yang tiada pengkhususan seperti yang diiklankan dan tiada Kebenaran Khas tidak akan didaftarkan semasa lawatan tapak.**

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat dokumen dijual semasa waktu pejabat.

Bayaran Dokumen Tawaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Bank Draf/Wang Pos** atas nama **Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani** (Bayaran ini tidak akan dikembalikan). Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada penama/wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, penama/wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa sijil asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** serta **Sijil Taraf Bumiputera** dan **satu salinan** bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.

Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri serta **ditulis nombor rujukan tender** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat :-



Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia
Bahagian Kewangan
Aras 5, Menara 4G1,
Wisma Tani, No.28
Persiaran Perdana, Presint 4
62624 Putrajaya